

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK LIEW VUI KEONG [BATU SAPI]

TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATUK LIEW VUI KEONG [BATU SAPI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan teruskan usaha memansuhkan hukuman mati mandatori di Malaysia.

**JAWAPAN [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 29 Ogos 2019, Kerajaan telah menyatakan komitmen untuk memansuhkan hukuman mati mandatori melalui Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori oleh suatu Jawatankuasa Khas yang dilantik. Keputusan ini adalah susulan keputusan Jemaah Menteri terdahulu yang mendapati terdapat keperluan supaya kajian yang lebih mendalam dibuat terhadap keputusan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori. Ini termasuklah kajian berkaitan polisi penghukuman (*sentencing policy*) bagi menggantikan hukuman mandatori dengan hukuman yang lebih wajar, tertakluk kepada budi bicara Mahkamah.

Susulan keputusan tersebut, kajian hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori telah dilaksanakan Jawatankuasa Khas dalam tempoh 4 bulan bermula 20 September 2019 hingga 31 Januari 2020, hasil sesi libat urus yang komprehensif dan menyeluruh dengan semua pihak berkepentingan termasuk masyarakat umum. Selain daripada cadangan hukuman alternatif terhadap hukuman mati mandatori, Jawatankuasa Khas turut mengemukakan syor-syor penambahbaikan terhadap sistem keadilan di Malaysia. Laporan kajian tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan persetujuan. Sekian, terima kasih.